



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**CITRA MANUSIA DAN KEMANUSIAAN DALAM PUISI MELAYU
MODEN DI MALAYSIA OLEH ANI BINTI HAJI OMAR.**

FBMK 2005 5

**CITRA MANUSIA DAN KEMANUSIAAN DALAM PUISI MELAYU MODEN
DI MALAYSIA**



**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

September 2005



DEDIKASI

Syukur kepada Allah S.W.T.
 Keizinan dan limpah kurniaan-Mu
 mengizinkan tesis ini direalisasikan.
 Pengabdianaku pada-Mu Tuhan buat selamanya
 Tidakkan ada henti tiada hujungnya.
 Sembah salam ke atas Junjungan Besar
 Nabi Muhammad S.A.W

Bonda (Allahyarhamah Hajah Zaharah Binti Haji Harun)
 Penghasilan tesis ini
 Bukti rindu dan kasih padamu.
 Walau dunia kita berbeza
 Bonda tetap di ruang mata tersemat kukuh di hati anakanda.
 Terima Kasih Bonda.
 Jasa dan semangat yang dibekalkan, mimpi anakanda menjadi nyata.

Ayahanda (Haji Omar Bin Yusuf)
 Kukagumi kesetiaan dan kecintaanmu pada Bonda
 Keprihatinanmu menyemarakkan obor di jiwa anakanda.
 Doa kudus darimu, memudahkan segala yang sukar, penawar perit mencengkam jiwa.
 Terima Kasih Ayahanda.

Suami tercinta (En. Khalilludin Bin Itam)
 Kusanjungi kesabaran, pengorbanan serta dorongan
 Restu dan keikhlasan
 Akan kuabadikan sepanjang masa.
 Putera, Puteri Bonda (Mohd Marwan dan Nor Shahirah)
 Jadilah insan soleh dan solehah
 Semoga kental iman dan ketaqwaan
 Kepada Tuhan jangan lupakan
 Tujulah jalan yang benar, jalan yang lurus luas terbentang
 Berjayaalah hendaknya di dunia dan di akhirat jua.
 Di mana anakanda di situlah jiwa bonda.

Saudara-saudaraku yang dikasihi,
 (Kak Long Ana, Zaini, Shapia, Zaitun, Zamani, Zubir, Mohd Rizatun dan Mohd. Fuad)
 Sokongan dan dorongan akan kuabadikan selagi hayat dikandung badan.

Kepada semua Penyelia khususnya Dr. Samsina
 Jasa, bimbingan dan budi baik tetap menjadi ingatan.
 Begitu juga untuk rakan taulan
 Ingatan yang tulus
 Ribuan Terima Kasih kuabadikan.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**CITRA MANUSIA DAN KEMANUSIAAN DALAM PUISI MELAYU MODEN
DI MALAYSIA**

Oleh

ANI BINTI HAJI OMAR

September 2005

Pengerusi : Samsina Binti Haji Abdul Rahman, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Puisi adalah fikiran dan hati nurani jiwa penyair. Melalui bahasa yang padu, indah dan puitis terungkaplah segala persoalan dan mesej yang hendak disampaikan. Kajian dan penyelidikan “Citra Manusia dan Kemanusiaan” menuntut pengkaji menyelami dan memasuki dunia kepenyairan mengikut citra yang telah difokuskan, tambahan pula situasi semasa dengan gelombang globalisasi yang melanda telah menyaksikan pelbagai perubahan dalam kemajuan kehidupan serta ketamadunan manusia turut juga mempengaruhi segala yang berkaitan dengannya. Kajian ini juga amat bertepatan dengan mesej yang hendak disampaikan melalui 24 buah kumpulan puisi yang telah dipilih sebagai bahan asas penyelidikan. Seperti yang diketahui genre kesusasteraan khususnya puisi berfungsi untuk pembentukan peradaban manusia serta pembangunan sahsiah dan moral. Mengkaji puisi bermakna mengkaji sosio budaya masyarakat sesebuah bangsa dan negara di mana di dalamnya terangkum juga isu-isu antarabangsa

yang menyentuh persoalan manusia dan kemanusiaan sejagat. Persoalan ini perlu dilihat kerana pergolakan dunia yang dipenuhi dengan isu kezaliman dan kekejaman seperti mana yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Iraq, Palestin, Somalia, Rohingya dan di merata tempat lain di mana manusianya menderita akibat kezaliman manusia itu sendiri. Tragedi 11 September 2001 telah terjawab, hasil dari penyelidikan ini mendapati keganasan yang berlaku kononnya dicetuskan oleh pelampau Islam seperti yang didakwa oleh Amerika sebenarnya adalah kerana kesombongan dan keangkuhan serta kezaliman mereka sendiri.

Kajian ini juga merangkumi pelbagai citra atau isu-isu manusia dan kemanusiaan dari perspektif keagamaan dan keduniaan secara global iaitu dunia tanpa sempadannya. Kemajuan sains dan teknologi dengan kecanggihan teknologi komunikasi yang bukan sahaja telah memajukan tamadun manusia malah turut memporak peranda dan menjahanamkan kehidupan manusia. Melalui penggunaan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) yang telah diasaskan oleh Mohd Yusof Hasan dengan menerapkan kaedah 4 jenis pemikiran secara saintifik iaitu pemikiran luhur, pemikiran lahir, pemikiran logik dan pemikiran lateral yang telah diaplikasikan, penyelidikan ini telah dapat mengenal pasti aspek-aspek citra manusia dan kemanusiaan yang telah diungkapkan dalam 24 kumpulan puisi yang dipilih. Pelbagai citra manusia yang telah dikaji seperti citra manusia yang luhur iaitu manusia sebagai khalifah dan citra manusia sebagai hamba Allah S.W.T yang wajib menjalankan tugas sebagai insan kamil di dunia yang fana ini dengan berperanan menyeru ke arah kebaikan dan menjauhi segala larangan. Citra manusia juga merangkumi manusia berfikiran lahir sebagai pemimpin,

manusia sebagai tokoh, citra manusia lelaki, wanita dan citra manusia sebagai pembela agama, bangsa dan tanah air yang telah menjalankan tugas dengan penuh bertanggung jawab, komited dengan peranan dan tugas yang telah diamanahkan.

Berdasarkan pemikiran logik citra kemanusiaan, ada yang positif dan ada juga yang negatif. Pemikiran logik telah menyaksikan persekitaran kehidupan manusia yang rencam dengan pelbagai situasi masa kini dimana terdapat manusia yang penuh dengan sifat kemanusiaan seperti bersimpati, bersabar, mengasihani dan tidak kurang juga yang tidak berperikemanusiaan seperti zalim, kejam, sompong, bongkak dan takbur. Penyelidikan ini juga telah menganalisis 2781 buah puisi yang telah diungkapkan dengan pelbagai gaya bahasa dari pemikiran lateral penyair dan pengkaji mendapati sebanyak 1179 (42.4%) puisi adalah mengenai citra manusia dan 482 (17.3%) puisi adalah mengenai kemanusiaan, dan yang selebihnya sebanyak 1120 (40.3%) buah puisi adalah yang tidak berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan itu pengkaji mendapati citra manusia lebih dominan penyuaraannya dari penyair berbanding dengan citra kemanusiaan. Melalui penerapan dan pengaplikasian Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (Luhur, Lahir, Logik dan Lateral) penyelidikan ini juga telah membuktikan bahawa untuk membina tamadun manusia yang tinggi dan negara yang maju jaya terutama menjelang Wawasan 2020, manusia di dalamnya haruslah seimbang bukan sahaja dari segi kecerdikan (IQ), dengan berfikir secara logik malah haruslah dilengkapi dengan jiwa yang luhur menginsafi diri sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T, bertanggung jawab sebagai manusia yang lahir dengan amanah (SQ), serta menghargai segala ciptaan dan keindahan dengan fikiran lateral (EQ) iaitu membina hubungan yang baik penuh sifat-sifat

kemanusiaan sesama manusia, dengan alam dan hubungan yang baik dengan makhluk-makhluk yang lain. Tegasnya, penyelidikan ini amat bermakna kerana manusia dengan segala keistimewaan yang telah dianugerahkan oleh Yang Maha Pencipta berbanding dengan makhluk yang lain mudah lupa dan masih tidak menginsafi akan hakikat kehidupan ini. Kemanusiaan yang positif telah melengkapkan manusia dengan sifat-sifat luhur, lahir, logik dan lateral namun bukan semua yang berkeadaan demikian, mengikut pemikiran logik, manusia dalam kehidupan ini ramai juga yang berhati kejam, tidak bertimbang rasa, rakus, mementingkan diri sendiri yang boleh dikategorikan sebagai kemanusiaan yang negatif atau tidak berperikemanusiaan, namun ia boleh dijadikan ikhtibar dan perbandingan supaya manusia lebih merasa insaf akan kekerdilan diri sebagai seorang hamba dan khalifah Allah S.W.T.

Penyelidikan ini juga diharap dapat dijadikan rujukan, panduan dan mengingatkan manusia bahawa hidup ini hanyalah sementara, tiada manusia yang kekal di dunia ini sampai masa akan kembali kepada Yang Maha Pencipta, dunia ini hanyalah pinjaman oleh itu jika manusia merasa bongkak, besar diri dan berkuasa, manusia tidak akan dapat melawan ketentuan Ilahi yang boleh mengambil apa sahaja dalam sekilip mata yang telah dipinjamkan kepada manusia. Walaupun isu manusia dan kemanusiaan sering diperkatakan namun ia berbeza kerana perubahan masa dan keadaan turut merubah citra, pemikiran, persoalan dan sekali gus mempengaruhi corak kehidupan manusia dan kemanusiaan dari pelbagai aspek. Justeru, penyuaranya di dalam puisi tidak akan ada noktahnya dan kajian mengenainya perlu terus dijalankan demi kebaikan dan kesejahteraan manusia itu sendiri.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**HUMAN AND HUMANITY DESCRIPTION IN MODERN MALAY POEM
IN MALAYSIA**

By

ANI BINTI HAJI OMAR

September 2005

Chairman : Samsina Binti Haji Abdul Rahman, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

Poetries are thoughts and soul to the poet. Through the use of firm yet beautiful poetic languages the poets are able to convey their intended messages, themes and questions to the readers. In the studies and research of Human and Humanity Description, it is deemed necessary to a researcher to embrace and explore the world of the poet through the focused description. It is necessary due to the current situation and waves of globalization, which have impacted humanity and bare witness to the changes in terms of advancement in living and how the human civilization have also influenced everything that has to do with it. This research is precisely answering to the question conveyed through the 24 groups of poem which have been chosen as the bases of this research. As it is widely known the literature genre especially poems, have the function to mould humanity as well as develop character and morality. To conduct a research on poems are actually to research the cultural aspect of a community of a nation and country whereas contained in it

includes international issues that touch all human questions and more than that the question of mankind. This entire question must be notice as the world is in constant turmoil fill with many issues of violence, hatred and cruelty from which have been clearly depicted in the Bosnia-Herzegovina, Iraq, Palestine, Somalia, Rohingya and other places all over the globe where humans are suffering due to the cruelty from another human. The tragedy of September 11 2001 has been answered. Base on research conducted it seem to be that the horrific incident was caused by Islam extremist, which was publicized by the Americans whereas the truth lies in their own arrogance and snobbishness not to mention the cruelty of their own hands.

This research also involves various norms or issues that concerns humanity seen from the perspective of religion and the world we live in, where the boundaries are only in the mind. Through the advancement of science and technology and amazing capability in communication have not only made the human lives easier in advancing our civilization but also have cause much chaos and turmoil that will ultimately destroy the human race. Through the use of the 4L Comprehensive Thinking System conceive by Mohd Yusof Hasan which incorporates 4 types of scientific thinking. They are pure thinking (pemikiran luhur), natural thinking (pemikiran lahir), logical thinking (pemikiran logik), and lateral thinking (pemikiran lateral). Through this research it is identify the aspect of human norms and humanity which have been repeatedly mention in the 24 group of poems that have been chosen. Different norms of human have been research, for example the purest human norms, which is human as leaders and as the devotee to Allah were we are compelled to conduct ourselves as respectable human in this world where we are

commanded to preach toward goodness and to avoid all sinful act. Human norms also include that human were born to be natural leaders, humans as role models, the norms of men, women and the norms of human to defend and protect their religion, race, culture and country have over and over again conducted their responsibility with commitment and honesty.

Through logical thinking human norms are divided, some humans are prone to the positive side whereas others to the negative side. Logical thinking has bare witness to the days of humanity where humans full of characters and diversion where indeed there are humans with compassion, patience, caring and also those who are cruel, heinous, and arrogant. Research have analyze 2781 poem which have been recited in different style, born form from the lateral minds of the poet. Researchers have also discover approximately 1179 (42.4%) poems that depict humans norms and approximately 482 (17.3%) poems are on humanity. From the research it was found that approximately 1120 (40.3%) poems were not suitable to the topic. Therefore human norms are more in tuned towads expressing the views and ideas of the poet rather than bringing forward the norms on humanity. Through the application and implementation of the 4L Comprehensive Thinking System pure thinking (pemikiran luhur), natural thinking (pemikiran lahir), logical thinking (pemikiran logic), and lateral thinking (pemikiran lateral). This research have proven that to developed the human civilization to the highest level especially by the year of Vision 2020, the human or people within must be at balance not only in intelligence quote (IQ) side, by thinking logically and guided with a pure soul, repenting constantly due to the realization that who we are, but a humble

servant of god, responsible as human being that we were born with responsibility quote (SQ), and at the same time we are required to embrace, appreciate and be thankful and respect all life by thinking laterally (EQ), that is by building and maintaining good relationship, full of feelings of humanity towards all human kind, the earth and all creatures in our planet. There's no doubt that this research is very meaningful due to the fact that human with all its uniqueness, which are gift granted by God compared to other earthly creature, still forgets and are still ungrateful to the fact of the creation of earth where all creature are meantenant living for a short period of time on this planet. Positive humanity have prepared humans with all good morale values, but not all humans have the same thinking, through logical thinking in this time where there are indeed many humans living together there are those who are inconsiderate, evil, cruel, selfish which all can be categorize as negative humanity or simply to put in unhumane All of this can be taken as a guideline so humans will never tread on the lines of hatred and so we will be more penitent that we humans are nothing but a mere glint compare to the greatness of God.

This research is hope to shed new light, a reference, guide and as a reminded to all of us that live on this planet is but only temporary and there is no human who are immortal,when the time comes, we will return to God. This world is a mere temporary stay compared to the infinity of the after life. Thus to those who feels arrogant, self absorbend and powerful, they only need to remember that God's will is ultimate. He can give ands take in a blink of eye things that He has given us. Although the issues of humans and humanity have constantly been debated, but the center of the debate is constantly changing adapting itself to the changes of time. As time changes so does

human norms, thinking, intrigue and as a whole create a new lifestyle that influence human and humanity in many aspects, therefore to voice out all of these dilemma in poems will never stop and will forever continues by poets and therefore the research toward them will always continue.



PENGHARGAAN

Bismilahirahmanirahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah

Dan Maha Penyayang.

Segala Puji ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Dengan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya juga, penulisan tesis ini telah dapat disempurnakan. Dalam usaha menyiapkannya penulis telah mendapat kerjasama, bantuan, sokongan serta doa daripada pensyarah, keluarga, rakan seperjuangan, serta pelbagai pihak yang mahukan impian ini menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Dr. Samsina Bt. Hj. Abd. Rahman, Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif dan Dr. Noritah Bt. Omar yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar yang sangat berguna dalam usaha menyiapkan tesis ini. Penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datok Prof. Dr. Mohd Yusof Hasan yang sungguh baik hati memberi bimbingan dan bantuan yang tidak berbelah bahagi, kepada Pak Dharmawijaya (allahyarham) jasamu tetap dikenang budi baik dan segala sokongan sesungguhnya tidak terbalas oleh pengkaji yang kerdil ini. Hanya kepada Allah S.W.T dipohonkan doa semoga segala kebaikan diberi ganjaran sama ada di dunia maupun di akhirat nanti.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bilik Sumber Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban dan Perpustakaan Awam Seremban kerana telah memberikan kerjasama dengan meminjamkan buku-buku dan bahan-bahan rujukan yang amat diperlukan dalam pengkajian ini.

Akhirnya penghargaan yang tiada tepinya kepada suami tercinta kerana dengan izin, restu serta sokongan yang tidak berbelah bahagi telah memudahkan lagi segala-segalanya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan putera dan puteri yang sentiasa memahami tugas yang harus disempurnakan, segala pengorbanan, suka dan duka yang diharungi bersama-sama tidak mampu digambarkan dengan kata-kata. Hanya hati dan jiwa kita yang merasa. Jadikan kejayaan ini sebagai dorongan untuk lebih maju jaya di masa-masa yang akan datang. Kepada abah doa dan kerjasama yang diberikan tidaklah terbalas hingga ke akhir hayat. Sesungguhnya usaha ini mendekatkan lagi rasa rindu kepada arwah emak yang telah banyak berjasa, semoga emak bersemadi dengan aman di sana.

ANI BINTI HAJI OMAR

Program PhD Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor Darul Ehsan.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vii
PENGHARGAAN	xii
PENGESAHAN	xiv
PERAKUAN	xvi
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI JADUAL	xxiii
SENARAI SINGKATAN	xxv
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	6
Kepentingan Kajian	15
Objektif Kajian	19
Batasan Kajian Dan Pemilihan Bahan	19
Definisi Konsep dan Definisi Operasional:	25
Citra	25
Manusia	26
Kemanusiaan	29
Puisi Melayu Moden	31
Kaedah Kajian	33
II SOROTAN LITERATUR	35
III SPB4L SATU KERANGKA KAJIAN	49
Pengenalan	49
Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (Teori SPB4L)	62
Sumber Teori SPB4L	68
Sumber Islam	72
Sumber Barat	78
Sumber Malaysia	91
Pemikiran Luhur	106
Pemikiran Lahir	114
Pemikiran Logik	122
Pemikiran Lateral	125

IV CITRA MANUSIA DALAM PUISI MELAYU MODEN DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT TEORI SPB4L	
Pengenalan	131
Manusia Sebagai Khalifah	131
Manusia Sebagai Tokoh	205
Tun Dr. Mahathir Mohamad	206
JM. Aziz	211
Hang Tuah	213
Mahsuri	216
Tokoh-Tokoh Islam	219
Siti Hajar	219
Rabiah Al-Adawiyah	222
Bilal Bin Rabah	224
Manusia Pejuang/Pembela Bangsa, Bahasa, Agama dan Tanah Air	232
Manusia Sebagai Hamba	271
Mengesakan Allah S.W.T. Dan Bertaubat	275
Solat	282
Berdoa	289
Bersyukur	293
Mati	298
Mempercayai Kekuasaan Allah S.W.T.	303
Sabar Menerima Ujian Allah S.W.T.	313
Ketaqwaan, Keimanan dan Cinta Kepada Allah S.W.T.	317
Citra Manusia Sebagai Penyair	336
Citra Manusia Lelaki	350
Lelaki dan Perkahwinan	354
Citra Lelaki dan Cinta	359
Citra Lelaki Terhadap Ibu Bapa, Anak-Anak, Saudara Mara dan Sahabat	363
Citra Manusia Wanita	375
Penghargaan/Mengenang Jasa Ibu	379
Harapan/Pengorbanan Ibu Untuk Anaknya	383
Isteri dan Perkahwinan	386
Ketabahan Wanita	393
Tanggapaan Penyair Lelaki Terhadap Citra Wanita	399
CITRA KEMANUSIAAN DALAM PUISI MELAYU MODEN DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT TEORI SPB4L	
Pengenalan	413
Kemanusiaan	420
Kemanusiaan Terhadap Ekosistem Habitat Alam Semulajadi	430

Kemanusiaan dan Realiti Kehidupan Sosial Manusia Masa Kini	450
Mengasihi Ibu dan Bapa	453
Simpati Dengan Nasib Ibu-Ibu Tunggal, Anak-Anak Yatim dan Anak-Anak Yang Didera	458
Simpati Dengan Nasib Mereka Yang Susah Seperti Nelayan/Pelaut, Pesawah, Petani dan Penoreh Getah	465
Simpati Dengan Nasib Pengemis Kota	470
Kemanusiaan Dengan Menyemai Rasa Cinta	473
Kemanusiaan Dengan Menanam Sifat Sabar	476
Citra-Citra Yang Tidak Berperikemanusiaan	479
Citra Yang Tidak Berperikemanusiaan Dalam Kehidupan Masyarakat	481
Kemanusiaan dan Pengaruh Pembangunan, Kemajuan, Globalisasi dan Kecanggihan Teknologi Masa Kini	489
Kemanusiaan Di Kuala Lumpur	491
 Pembangunan, Pengaruh Teknologi Masa Kini dan Kesan Globalisasi Ke Atas Kemanusiaan	498
Citra Kemanusiaan Sejagat	514
Kemanusiaan Pemimpin dan Kepimpinan	517
Kemanusiaan dan Pemimpin Orde Baru Dunia Masa Kini	526
Sejarah Hitam Kemanusiaan	541
 VI KESIMPULAN	559
BIBLIOGRAFI	585
LAMPIRAN	600
BIODATA PENULIS	613

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Teknik-teknik kreatif dalam pemikiran 4L iaitu (luhur, lahir, logik dan lateral)	65
2. Konsep-konsep SPB4L padanan dengan HOKA dan HOKI	65
3. Ciri-ciri utama dalam pemikiran SPB4L	67
4. Sumber Teori SPB4L	69
5. Tiga sumber utama Teori SPB4L	71
6. Kepentingan sumber Islam, Barat dan Melayu dalam pembentukan Teori SPB4L	71
7. Empat aspek penting dalam Islam iaitu akidah membentuk manusia Sidiq, ibadah membentuk manusia Tabligh, Syariah membantuk manusia amanah dan akhlak membentuk manusia Fatanah berdasarkan Rukun Iman dan Rukun Islam	75
8. Empat aspek manusia sidiq, manusia tabligh, manusia amanah, manusia fatanah menjadi dasar dari peranan manusia iaitu sebagai hamba Allah iaitu ilmu Naqli dan sebagai khalifah sesama manusia iaitu ilmu aqli.	75
9. Falsafah Pendidikan Islam diambil ketika Resolusi Muktamar Pendidikan Islam Sedunia yang telah diadakan pada tahun 1977 di kota Mekah Al-Mukaramah sebagai antara sumber Teori SPB4L.	76
10. Falsafah Ilmu dan Pendidikan Barat Menurut Teori Bloom	79
11. Tujuh Kebijaksanaan Mengikut Howard Gardner	83
12. Pendapat Teori Barat tentang otak iaitu dari Roger Sperry, Howard Gardner dan Edward de Bono serta kaitannya dengan HOKA dan HOKI.	85
13. Teori Roger Sperry otak manusia terbahagi kepada dua ‘left-brain hemisphere’ atau hemisfera otak kiri atau HOKI dan ‘right-brain hemisphere’ atau hemisfera otak kanan atau HOKA.	86
14. Hemisfera otak kiri (HOKI) menunjukkan pemikiran logik	86

15.	Perbezaan antara pemikiran logik dengan pemikiran lateral	87
16.	Falsafah Pendidikan Negara selari dengan Teori SPB4L dalam pembentukan insan yang seimbang dengan pemikiran luhur (rohani), pemikiran lahir (jasmani), pemikiran logik (intelek) dan pemikiran lateral (emosi).	93
17.	Falsafah Pendidikan Malaysia Yang Menitik Beratkan Keempat-Empat Aspek. Rohani, Intelek, Emosi dan Jasmani Dalam (KBKK)	94
18.	Taksonomi Pendidikan Malaysia Berdasarkan Taksonomi Bloom	95
19.	Kemahiran Berfikir Kreatif/Kritis (KBKK)	97
20.	Peta Domain Pemikiran	98
21.	Teori SPB4L Mengambil Kira Masyarakat Majmuk Di Malaysia	100
22.	Kaitan Teori SPB4L dengan masyarakat, puisi dan penyair.	103
23.	Puisi/karya SPB4L dengan kritikan Teori SPB4L	104
24.	Pemikiran Luhur (Ketuhanan, Keimanan, Keagamaan)	107
25.	Pemikiran luhur membentuk citra manusia sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah.	108
26.	Dwiperanan Manusia	110
27.	Hubungan Pemikiran Luhur Dengan Pemikiran-Pemikiran Lain	111
28.	Puisi Melayu Moden dan hubungannya dengan pemikiran lahir	112
29.	Citra-Citra Manusia Dalam Pemikiran Lahir	115
30.	Otak manusia terbahagi kepada dua hemisfera iaitu hemisfera kiri dan hemisfera kanan.	117
31.	Ketepatan dan kenyataan yang tercetus dari hemisfera otak kiri (hoki) yang membawa unsur-unsur sains dan teknologi seperti angka, fakta, pasti, keputusan dan kesimpulan.	118
32.	Citra Kemanusiaan Kaitannya Dengan Pemikiran Logik	123
33.	Pelbagai Kemampuan Otak Dalam Pemikiran Lateral	124

34.	Pemikiran Lateral cetusan otak kanan (HOKA)	126
35.	Pemikiran Lateral mementingkan seni dan keindahan	127
36.	Manusia sebagai khalifah dikaitkan dengan keempat-empat teori SPB4L iaitu pemikiran luhur, pemikiran lahir, pemikiran logik dan pemikiran lateral.	204
37.	Manusia sebagai tokoh, manusia pembela bangsa, bahasa dan agama dikaitkan dengan keempat-empat Teori SPB4L iaitu pemikiran luhur, pemikiran lahir, pemikiran logik dan pemikiran lateral.	270
38.	Manusia sebagai hamba yang dikaitkan dengan keempat-empat Teori Pemikiran SPB4L	336
39.	Aplikasi Teori SPB4L dengan citra manusia penyair,citra manusia lelaki dan citra manusia wanita.	412
40.	Aplikasi Teori SPB4L dengan tajuk kajian Citra Manusia dan Kemanusiaan dalam Puisi Melayu Moden.	584



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Senarai kumpulan puisi yang dibuat kajian.	23
2. Hubung kait karya sastera dengan Teori SPB4L dan kaedah-kaedah intrinsik dan ekstrinsik.	105
3. Senarai jumlah puisi manusia sebagai khalifah	133
4. Senarai pecahan jumlah puisi manusia sebagai tokoh yang mewakili kumpulan puisi, tahun terbitan serta penyairnya.	206
5. Senarai nama penyair, kumpulan puisi,tahun terbit serta jumlah puisi yang berkaitan dengan manusia sebagai pembela atau pejuang tanah air.	235
6. Citra manusia pejuang/pembela bangsa, bahasa, budaya dan tanah airnya.	261
7. Senarai jumlah puisi citra manusia sebagai seorang hamba.	273
8. Perincian ciri-ciri manusia sebagai hamba.	275
9. Jumlah puisi citra manusia sebagai penyair	339
10. Judul-judul puisi manusia sebagai penyair.	347
11. Jumlah puisi citra manusia sebagai manusia lelaki dan wanita	352
12. Judul-judul puisi dan jumlah yang memperkatakan citra lelaki tentang perkahwinan.	356
13. Judul-judul puisi dan jumlah citra lelaki sebagai seorang ayah.	365
14. Judul-judul puisi citra lelaki sebagai seorang ayah, suami, abang datuk dan sahabat.	370
15. Jumlah puisi citra wanita dari kelima-lima penyair wanita iaitu Mahaya Mohd Yassin, Siti Zaleha Mohd Hashim,Hadijah Rahmat, Noraini Muhammad dan Anismas AR	377

16.	Judul-judul puisi dan jumlah citra manusia wanita sebagai isteri	387
17.	Judul-judul puisi dan jumlah puisi citra wanita yang tabah.	395
18.	Penyair dan jumlah puisi tentang kemanusiaan.	417
19.	Penyair yang mengemukakan puisi yang khusus tentang maksud kemanusiaan.	421
20.	Jumlah puisi yang mengungkapkan citra kemanusiaan terhadap ekosistem habitat alam semula jadi	435
21.	Jumlah puisi tentang kemanusiaan dan realiti kehidupan sosial manusia masa kini.	453
22.	Jumlah puisi tentang simpati dengan nasib mereka yang susah seperti nelayan/pelaut, pesawahan, petani dan penoreh getah.	465
23.	Jumlah puisi tentang kemanusiaan yang negatif.	481
24.	Kemanusiaan dan pengaruh pembangunan,kemajuan,globalisasi dan kecanggihan teknologi masa kini.	491
25.	Jumlah puisi citra kemanusiaan sejagat	517
26.	Jumlah puisi tentang sejarah hitam kemanusiaan	542

